

## **Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan**

### *Factors Involving The Misconduct of Delinquent Adolescents in Rehabilitation Centers*

**Nurzatil Ismah binti Azizan  
Mariam Abd Majid  
Noraini Mohamad  
Abur Hamdi Usman  
Noor Hafizah Mohd Haridi  
Aisyah Humairak Abdul Rahman**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[nurzatil@kuis.edu.my](mailto:nurzatil@kuis.edu.my)

**Zainab Ismail**  
Kolej Dar al-Hikmah  
[zainab.ukm@gmail.com](mailto:zainab.ukm@gmail.com)

### **ABSTRAK**

Salah laku remaja dilihat sebagai isu yang berpanjangan dan perlu kepada tindakan segera. Antara salah laku yang sering berlaku dalam kalangan remaja ialah penyalahgunaan dadah, seks bebas, jenayah kekerasan, juvana dan merosakkan harta benda. Pelbagai faktor dikenal pasti telah menyumbang kepada salah laku akhlak dalam kalangan remaja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku remaja delinkuen di pusat-pusat pemulihan. Jenis kajian yang digunakan dalam artikel ini ialah kualitatif dan instrumen utama kajian menggunakan temubual separa struktur. Dapatan kajian seterusnya dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati faktor salah laku remaja di pusat pemulihan ialah keluarga, rakan sebaya, kurang didikan agama,

berkeinginan kepada kemewahan berlebihan, mudah memperolehi akses dadah, tiada kawalan penggunaan teknologi dan pemilihan ikon atau idola yang tidak tepat (*instafamous, youtuber*).

*Kata kunci: Salah Laku; Remaja; Delinkuen; Pusat Pemulihan*

### **ABSTRACT**

*Various factors have been identified to have contributed to the existence of moral misconduct among adolescents. This study was conducted to identify the factors influencing the misconduct of delinquent adolescents in rehabilitation centres. The type of study used in this article is qualitative, and the main instrument of the study is using the semi-structured interview method. The findings of the subsequent study were analyzed with an inductive approach. The results of the study found that the factors involved in adolescent misconduct in rehabilitation centres were family, peers, lack of religious education, desire for excessive luxury, easy access to drugs, no control over the use of technology, and inaccurate selection of icons or idols (*instafamous, Youtuber*).*

*Keywords: Misconduct; Adolescents; Delinquents; Rehabilitation Centers*

### **PENDAHULUAN**

Masalah sosial yang melibatkan remaja pada masa kini amat membimbangkan, tahun demi tahun statistik memaparkan bahawa remaja antara golongan yang sinonim dengan masalah sosial. Kenyataan ini dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir dan Mohd Ali Hanafiah (2015) bahawa kes jenayah yang melibatkan remaja bawah umur yang dilaporkan oleh pihak JKM bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 ialah 25,778 kes iaitu 23,950 kes melibatkan remaja lelaki dan 1,828 kes melibatkan remaja perempuan (JKM, 2014). Masalah sosial melibatkan hamil tanpa nikah pula menunjukkan bahawa sebanyak 217,863 orang anak luar nikah atau anak tidak sah taraf telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada tahun 2009 hingga 2012. Tahun 2017 mencatatkan 3,694 remaja hamil luar nikah (Ahmad, 2016). Manakala Malaysia Youth Data Bank System melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia memaparkan data penagih dadah dalam kalangan belia pada tahun 2013-2021 ialah seramai 18,205 orang. Manakala kesalahan mencuri 1,012 dan samun berkawan 560 kes yang melibatkan remaja.

Antara masalah sosial yang banyak berlaku dalam masyarakat ialah penagihan dadah sehingga terdapat 46 pusat pemulihan dadah di bawah kelolaan Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri untuk membantu pemulihan penagih-penagih dadah. Manakala terdapat 55 pusat pemulihan dadah persendirian dengan hasrat dan tujuan yang sama (data.gov.my, 23 Mei 2022). Penubuhan pusat-pusat pemulihan ini membuktikan bahawa terdapat ramai dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan dadah dan perlu kepada proses pemulihan. Selain penagihan dadah sebagai masalah sosial pada masa kini, masalah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat dan rogol juga turut membelenggu kehidupan bermasyarakat (Sudi et al., 2021; Wazir et al., 2020).

Perbincangan berkenaan masalah sosial mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong berlakunya salah laku akhlak dalam kalangan remaja iaitu faktor kerohanian, diri sendiri, rakan, sikap ingin mencuba, kurang didikan agama dan ketahanan diri yang lemah (Wazir et al., 2020). Menurut Zakaria et al. (2012) faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan. Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuk elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Abd Majid et al., 2021; Mustafa, Abu Bakar, Basri, & Usman, 2021).

## **TINJAUAN LITERATUR**

Delinkuen merupakan tingkah laku remaja yang melanggar peraturan dan undang-undang sesebuah negara, terdapat faktor internal yang menyebabkan masalah sosial dalam kalangan remaja iaitu status sosio demografi dan ekonomi iaitu tahap pendidikan, bilangan adik beradik dan pendapatan ibu bapa (Mohd Nasir & Mohd Ali Hanafiah, 2015).

Faktor keluarga dilihat memberi kesan yang besar kepada masalah sosial delinkuen dalam kalangan remaja. Perceraian ibu bapa dan perkahwinan selepas bercerai dengan pasangan yang baharu turut menjadi faktor gangguan emosi dan remaja tidak selesa berada di rumah. Malah remaja yang mempunyai pengalaman didera secara seksual akan membesar menjadi

remaja yang memberontak seterusnya terlibat dengan masalah sosial seperti aktiviti seksual serta mempunyai *Sugar Daddy*. Ibu bapa yang tidak prihatin terhadap pelajaran anak-anak serta tiada kawalan untuk bersosial bersama rakan-rakan juga penyumbang kepada masalah delinkuen yang semakin parah (Mohd Nasir, 2016). Faktor ibu bapa adalah lebih kepada cara didikan dan asuhan di rumah yang mempunyai perkaitan rapat dengan masalah salah laku yang timbul (Nik Nordin & Selamat, 2018). Abd. Majid, Azman dan Mohd Yani (2019) menyatakan bahawa perceraian ibu bapa serta kesibukan dalam memenuhi tuntutan kehidupan merupakan faktor remaja terlibat dengan masalah seksual.

Kefungsian keluarga amat memberi kesan yang besar dalam proses pendidikan kepada remaja. Keluarga yang berfungsi dengan harmoni dalam menjaga, memberi kasih sayang, perhatian dan pendidikan kepada anak-anak akan melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia. Komunikasi keluarga tidak berkesan serta kurang penghargaan dan kasih sayang menjadi punca masalah sosial. Ini membuktikan bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini amat berkait rapat dengan institusi keluarga yang tidak harmoni dan seimbang (Othman, Sarnon, & Zakaria, 2018).

Absha Atiah (2019) menyatakan bahawa faktor remaja terlibat dengan masalah sosial ialah faktor diri sendiri (Buerah et al., 2015; Othman, Sarnon, & Zakaria, 2018). Selain itu, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya juga merupakan salah satu punca terjadinya masalah sosial dalam kalangan remaja.

Isu dan permasalahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja ini semakin menjadi perhatian dengan peningkatan kes-kes melibatkan golongan remaja. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kamaluddin, Selamat & Othman (2021) terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada gejala penagihan dadah antaranya pengaruh rakan sebaya, persekitaran keluarga dan tempat tinggal, tekanan yang dialami remaja dan kurang pengetahuan serta didikan agama. Faktor-faktor yang disebutkan ini perlu diberikan perhatian agar para remaja tidak mudah terpedaya dengan apa yang mereka hadapi dalam menjalani kehidupan seharian.

Penglibatan remaja dalam penzinaan juga membimbangkan, hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong remaja melakukan penzinaan iaitu pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa, kejutan budaya, sistem pendidikan dan persekolahan, kurang pendidikan ibu

bapa, kurang penghayatan agama dan pergaulan bebas (Ab Razak & Hamjah, 2016).

Kajian yang dijalankan ke atas remaja berumur antara 13 hingga 18 tahun di Pusat Khidmat Juvana, Alor Setar, Kedah mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara ikatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja. Ikatan ibu bapa yang lemah menyebabkan anak-anak cenderung melakukan tingkah laku delinkuen seperti mencuri, merosakkan harta benda sekolah dan awam. Kajian membuktikan bahawa ibu bapa, guru dan rakan sebaya merupakan faktor paling kuat dalam mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja. Guru menyumbang faktor tertinggi apabila pelajar merasa bimbang kerana tidak menyiapkan tugas yang diberikan dan kelemahan komunikasi antara guru dan pelajar menyebabkan pelajar tertekan (Nik Nordin & Selamat, 2018). Ini kerana guru merupakan orang yang terpenting dalam menghidupkan suasana pembelajaran di sekolah (Nooraisah, 2014).

Manakala kajian yang dilakukan oleh Abd. Majid, Azman, dan Mohd Yani (2019) menunjukkan bahawa percintaan dalam kalangan remaja dan filem porno kesan kepesatan teknologi komunikasi memudahkan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang tidak terkawal turut menyumbang salah laku akhlak remaja pada masa kini.

Kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial yang semakin serius berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran, antaranya ialah diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga persekitaran sekolah (Zainuddin & Norazmah, 2011).

Kajian lepas mendapati bahawa kajian berkaitan faktor gadis remaja terlibat dalam masalah sosial masih kurang dijalankan (Nurul Husna et al., 2017). Walaupun terdapat kajian yang melihat kepada aspek beberapa faktor yang mempengaruhi (Zainudin & Norazmah 2011; Husin 2011), namun masih juga kurang kajian yang berfokus kepada empat faktor ini sahaja, iaitu faktor diri sendiri, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Manakala, dari segi konteks kajian pula, didapati masih sangat kurang kajian tentang faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial dijalankan di pusat perlindungan (Azlina 2012) dan berfokus kepada peringkat umur gadis remaja yang berusia bawah 13 tahun, 13 hingga 15 tahun, 16 hingga 18 tahun dan 19 tahun ke atas (Absha & Isa, 2019).

Kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan faktor-faktor lain yang mendorong remaja terlibat dengan masalah sosial selain daripada ibu bapa, rakan sebaya, diri sendiri dan media massa.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural approach* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian. bagi mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks situasi tertentu (Sulaiman, 2005).

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah temubual separa struktur terhadap sembilan informan terdiri daripada pengetua, pengurus, pegawai psikologi, tenaga pengajar dan ketua unit agama di pusat-pusat pemulihan akhlak yang telah dipilih. Pusat akhlak yang dipilih merupakan pusat yang berada di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Pemilihan Informan Secara Persampelan Bertujuan**

| <b>Informan</b> | <b>Sekolah/Pusat</b>                        | <b>Jawatan</b>                                 |
|-----------------|---|--|
| Informan 1 & 2  | Sekolah Henry Gurney,<br>Telok Mas, Melaka  | Pegawai Psikologi & Ketua<br>Unit Agama        |
| Informan 3      | Pertubuhan Darul Islah<br>Malaysia (PERKID) | Tenaga Pengajar                                |
| Informan 4      | Pusat Bimbingan Raudhatus<br>Sakinah        | Pengurus                                       |
| Informan 5      | Sekolah Tunas Bakti, Sg<br>Besi             | Pegawai Psikologi                              |
| Informan 6      | Asrama Bahagia                              | Pengetua                                       |
| Informan 7      | Asrama Sentosa                              | Pengetua                                       |
| Informan 8 & 9  | Taman Seri Puteri, Cheras                   | Timbalan Pegawai &<br>Pembantu Pegawai Latihan |

Pemilihan sampel dilakukan dengan memilih informan daripada kumpulan *homogenous* tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang telah melalui kajian rintis sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temubual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan subtema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

**Jadual 2: Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa**

| Bil            | Nama    | Kepakaran                             | Tahap Persetujuan<br>(Cohen Kappa) |
|----------------|---------|---------------------------------------|------------------------------------|
| 1              | Pakar A | Akhlak & Moral,<br>Pembangunan Remaja | 1.0                                |
| 2              | Pakar B | Dakwah & Pembangunan<br>Insan         | 1.0                                |
| 3              | Pakar C | Dakwah & Pembangunan<br>Insan         | 0.72                               |
| <b>Nilai K</b> |         |                                       | <b>0.90</b>                        |

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.90. Jadual 3 menunjukkan tahap persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 3: Skala Persetujuan Cohen Kappa**

| <b>Nilai Kappa</b> | <b>Skala Interpretasi</b> |
|--------------------|---------------------------|
| > 0.90             | Sangat Tinggi             |
| 0.70 - 0.89        | Tinggi                    |
| 0.30 - 0.69        | Sederhana                 |
| < 0.30             | Rendah                    |

Data-data kajian ini dianalisis secara induktif yang menghasilkan pembentukan tema-tema dalam dapatan kajian.

## **FAKTOR SALAH LAKU DALAM KALANGAN REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN**

### **Faktor Ibu Bapa dan Keluarga**

Keluarga merupakan faktor terbesar yang menyumbang kepada salah laku dalam kalangan remaja. Berdasarkan temubual yang dilakukan, empat orang informan mengakui pengaruh keluarga menjadikan remaja terlibat dengan salah laku akhlak.

*"Jadi, punca pertama family, kedua pengaruh rakan-rakan, ketiga pendidikan agama (cara mereka dibentuk oleh keluarga dan keempat persepsi budak-budak ni)". (IPL2- SHG)*

*"Untuk remaja-remaja yang masuk di bawah umur 18 tahun ke bawah maknanya sekolah menengah macam tingkatan satu faktor dia adalah keluarga". IPP1- RS*

*"Mereka ini ialah kanak-kanak yang diperintahkan masuk di sini. Dia daripada latar belakang keluarga lah". IPL1- AS*

*"Kebanyakan dia orang di sini mungkin salah satu faktornya ialah ada masalah keluarga, faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya dan satu lagi masalah teknologi kitalah macam telefon" IPL2- TSP*

Dapatan ini menyokong kajian terdahulu oleh Abd Majid et al. (2021) yang menyatakan bahawa ibu bapa atau keluarga adalah faktor yang memiliki

kekerapan yang tinggi iaitu 24%, diikuti dengan faktor rakan sebaya iaitu 19%. Manakala faktor diri adalah 15%, guru atau sekolah, media massa dan persekitaran menyumbang peratusan yang sama iaitu sebanyak 14%.

### **Penggunaan Teknologi Yang Tidak Dikawal**

Kepesatan perkembangan teknologi juga antara faktor penyumbang kepada salah laku akhlak. Remaja perlu kepada dorongan agar dapat membezakan perkara yang baik dan buruk dalam menggunakan teknologi. Tanpa kawalan yang rapi, remaja tidak mampu mengawal diri daripada terlibat dengan unsur-unsur yang negatif.

*"So, antara faktor tu adalah media yang terlalu luas tak boleh dikawal sampai satu tahap remaja tu sendiri tak boleh nak control diri dia untuk control handphone ataupun gadget" IPP1- PERKID*

*"Kalau kita lihat kajian yang kita sendiri buatlah, lebih kepada pertamanya gajetlah.... Boleh katakan 90 peratus punca daripada gajet". IPP1- AB*

*"Kebanyakan dia orang di sini mungkin salah satu faktornya ialah ada masalah keluarga, faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya dan satu lagi masalah teknologi kitalah macam telefon" IPL2- TSP*

Keperluan teknologi khususnya internet tidak dapat dinafikan sebagai alat untuk mencapai pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan. Malah kebanyakan penempatan terutama di bandar memiliki capaian internet yang luas. Menurut Normah et al. (2013) remaja khususnya yang tinggal di Lembah Klang banyak bergantung kepada internet untuk memahami persekitaran sosial, untuk berinteraksi dan juga memenuhi keperluan sosial berbanding keperluan sendiri. Facebook merupakan laman jaringan sosial yang paling digemari untuk aktiviti berbual dan mendapatkan sumber hiburan. Menurut Hassan & Abdul Rashid (2012) maklumat internet yang mudah dicapai dan diakses menyebabkan pengguna terutama golongan remaja mampu mencari maklumat apa sahaja tanpa batas dengan satu "klik" sahaja tanpa merujuk kepada sesiapa. Justeru, hal ini sangat membimbangkan apabila sikap remaja yang suka mengambil tahu dan mahu mencuba sesuatu yang baru menyebabkan mereka mampu mengaksesnya dengan begitu mudah dan pantas. Secara ringkasnya, remaja sekolah mudah mengakses laman yang tidak sihat dan boleh memudaratkan diri. Namun begitu, diakui juga bahawa media sosial mampu memberikan impak dan telah mengubah cara berkomunikasi khususnya kepada golongan remaja, ia belum mampu mempengaruhi tingkah laku sosial mereka kerana ini banyak

bergantung kepada sistem sosial yang mengelilingi mereka. Selain itu, media sosial juga lebih digunakan oleh golongan remaja untuk berbual bersama kenalan selain sekadar hiburan (Sannusi, Ibrahim, Shaari, & Subhi, 2019).

### **Kurang Didikan Agama**

Pendidikan agama diakui sebagai perkara asas yang penting dalam membentuk peribadi anak terutama remaja. Tanpa penekanan nilai-nilai murni dan penghayatan agama, remaja sukar dibentuk dan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang batil. Agama memberi panduan berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan agar dapat membezakan antara yang hak dan batil.

*"faktor lain juga adalah didikan agama. Parents memberi didikan agama tetapi tidak diterapkan sepenuhnya". IPP1- PERKID*

Pendidikan keagamaan kepada anak-anak harus ditekankan pada peringkat awal lagi dan perlu kepada pemantauan tingkah laku dan akhlak anak-anak. Ibu bapa mempunyai peranan besar dalam membendung gejala sosial di peringkat keluarga. Pendidikan akidah adalah di antara perkara yang mesti diutamakan (Abdullah, 2014).

### **Berkeinginan Kepada Kemewahan**

Kehidupan kini yang saling mempamerkan kemewahan atau aktiviti-aktiviti sosial kehidupan menjadikan remaja inginkan kemewahan. *Trend* atau mengikut aliran perkembangan semasa kehidupan masa kini sama ada pakaian, aksesori dan sebagainya menjadikan remaja memiliki keinginan untuk memiliki walaupun di luar kemampuan.

*"Kalau yang untuk usia 18 tahun ke atasnya pula faktor dia banyak salah satu yang kita nampak sekarang adalah kepada anak-anak yang cerdas pandai ni dia orang lebih kepada sasaran kekayaan" IPP1- RS*

Berlembutan dalam kemewahan (hedonisme) mempunyai beberapa faktor iaitu faktor internal (diri sendiri) yang fitrahnya berkeinginan pelbagai kemewahan dan faktor eksternal iaitu maklumat yang diperolehi secara meluas atau globalisasi tanpa batasan (Ismail, 2019). Berdasarkan hasil temubual didapati segelintir remaja yang terjebak dengan salah laku delinkuen kerana mereka menginginkan kehidupan dan kemewahan seperti rakan-rakan yang berada di sekeliling mereka walhal mereka tidak mampu.

Akhirnya, mereka didorong untuk melakukan pekerjaan atau perkhidmatan yang menyalahi syariat Islam seperti 'sugarbaby'. Hasil daripada perkhidmatan tersebut mereka memperoleh pendapatan yang lumayan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh golongan anak-anak remaja ini terdedah kepada elemen negatif yang mudah mendominasi pemikiran dan tingkah laku seharian. Keadaan ini menjadi lebih kritikal disebabkan peringkat umur remaja adalah fasa bagi mereka melakukan eksplorasi terhadap pelbagai alternatif, cenderung mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi dan selalu ingin mencuba perkara-perkara yang baru (Abd Majid et al., 2021).

### **Menjadikan Ikon Media Sosial Sebagai Idola**

Remaja perlu diberi dorongan dalam memilih ikon atau idola dalam kehidupan agar tidak tersasar. Tidak dinafikan remaja mudah terpengaruh dengan idola atau artis, instafamous, youtuber yang mudah diakses. Sehingga mereka meniru aksesori, pakaian, gaya malah cara percakapan. Jika pemilihan ikon yang mendorong kepada kebaikan ia menjadi nilai tambah dalam kehidupan mereka, sebaliknya jika ikon tersebut tidak mendorong akhlak yang baik malah memberi pengaruh buruk dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, antara bentuk pengaruh buruk yang dibawakan oleh influencer di media sosial salah satunya ialah dari segi fesyen atau adab berpakaian serta sikap suka melakukan *prank* kepada orang sekeliling dan lain-lain. Berkaitan dengan fesyen atau cara berpakaian juga menyebabkan remaja pada zaman sekarang mudah terikut-ikut untuk berfesyen dan mengikut *trend* seperti idola mereka. Tetapi, adakalanya dilihat bahawa fesyen yang ditonjolkan adalah kurang sesuai dan tidak wajar untuk diikuti sebagai seorang muslimah. Namun, tidak dinafikan masih juga terdapat influencer di media sosial yang sentiasa menunjukkan peribadi dan tingkah laku yang baik. Walau bagaimanapun, perkara ini bergantung kepada setiap individu sendiri untuk bijak memilih siapa ikon media sosial yang baik serta boleh dijadikan sebagai idola dan ikutan dalam meniti arus kehidupan pada zaman yang penuh dengan cabaran dan tipu daya ini. Golongan muda zaman sekarang meminati dan mengidolakan artis atau penyanyi dari luar negara seperti kumpulan Blankpink, BTS, dan ramai lagi. Ini menunjukkan bahawa anak muda gemar kepada hiburan sehingga mereka kagum dengan artis atau idola pujaan mereka, malah ada yang sanggup bergaduh sesama sendiri demi mempertahankan artis atau idola mereka.

*"Lepas tu instafamous, youtuber juga sangat mempengaruhi pemikiran dia orang" IPP1- RS*

Pengaruh aktiviti atau gaya hidup *instafamous* dan *youtuber* amat besar kepada remaja sehingga mereka sanggup melakukan perkara yang sama. Antara pengaruh negatif ialah cara berpakaian tidak sopan dan menyalahi syariat Islam akan mendorong berlakunya zina dalam kalangan remaja. Ia meningkatkan masalah delinkuen dalam kalangan remaja.

Remaja wajar menjadikan ikon-ikon remaja dalam al-Quran sebagai idola, malah mendorong berakhlak dengan akhlak al-Quran. Ikon remaja dalam al-Quran dilihat belajar daripada persekitaran sosial mereka iaitu Thauban sahabat Rasulullah SAW memilih ikon yang terbaik dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai idola dalam kehidupan, al-Arqam ibn Abi al-Arqam mengikuti dakwah Rasulullah SAW ketika usia 16 tahun (Azizan & Yusoff, 2018). Pemilihan ikon yang tepat akan membantu remaja membentuk akhlak mulia dan menjauhi diri daripada terlibat dengan masalah sosial.

### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merupakan individu yang dekat dengan remaja, malah sebahagian remaja lebih mesra dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa atau keluarga. Pemilihan rakan yang tepat amat penting agar remaja tidak terpengaruh dengan akhlak buruk rakan sebaya. Pengaruh yang kuat menjadikan remaja terdorong melakukan pelbagai salah laku akhlak sama ada seksual, mencuri dan lain-lain.

*"Faktor pertama adalah rakan" IPL1- STB*

*"Kebanyakan dia orang di sini mungkin salah satu faktornya pengaruh rakan sebaya" IPL2- TSP*

Kajian Shahrudin, Mansor, Madon, dan Hamsan (2018) mendapati pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Kajian ini mengesyorkan program kesihatan seksual dan reproduktif serta program intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi yang mensasarkan kepada faktor pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual yang selamat dipertingkatkan bagi remaja di Malaysia.

### **Mudah Memperoleh Akses Untuk Mendapatkan Dadah**

Seperti mana semua sedia maklum bahawa golongan remaja merupakan mereka yang masih belum matang dalam menjalani kehidupan. Pengambilan

dadah dalam kalangan mereka merupakan sesuatu yang luar biasa dan pastinya terdapat faktor yang mempengaruhi masalah ini. Kebanyakan remaja yang terlibat adalah dalam lingkungan usia yang masih belasan tahun iaitu seawal 13 hingga 15 tahun. Usia yang sepatutnya remaja berada di sekolah serta sibuk dengan aktiviti sekolah dan di rumah bersama ahli keluarga. Namun, keterlibatan golongan remaja ini dengan dadah dapat dikesan dengan menyumbang kepada beberapa kes. Oleh kerana itu, agak musykil dan mustahil jika remaja dapat memperoleh jenis-jenis dadah sekiranya tidak melalui akses yang terdekat dengan mereka. Perkara ini terjadi disebabkan oleh terjebak dengan ahli keluarga sendiri, sahabat atau jiran tetangga. Berdasarkan hasil dapatan temu bual, remaja memperoleh dadah daripada salah satu ahli keluarga iaitu abang kandung sendiri dan ada juga yang mendapatkan daripada ayahnya sendiri. Sehubungan dengan itu, keluarga yang terlibat dengan aktiviti dadah mempunyai risiko yang tinggi untuk anak-anak remaja juga turut terlibat dengan dadah. Ini kerana keluarga yang tidak membentuk, mendidik, memberi dorongan kepada kebaikan akan membentuk remaja yang bermasalah. Keluarga yang terlibat dengan masalah dadah sebagai contoh, mempunyai kebarangkalian yang besar dicontohi oleh anak-anak terutama remaja.

*"Faktor kedua adalah akses dengan dadah tu sendiri. Sebab ada masalah yang dia dapat akses daripada siapa? Ayah dia sendiri. Saya ada kes yang abang dia paksa adik dia hisap dadah disebabkan dia cemburu dengan dengan kejayaan adik dia" IPL1- STB*

Remaja yang mempunyai keluarga terlibat dengan dadah amat berisiko pengambilan dadah. Ia dibuktikan oleh kajian Norhayati (2018) bahawa responden yang pernah terlibat dengan pengambilan dadah menilai risiko yang tinggi pada diri mereka apabila terdapat ahli keluarga terdekat yang mengambil dadah berbanding mereka yang tidak pernah mengambil dadah.

## **KESIMPULAN**

Remaja perlu dibentuk dan diberi dorongan dalam melakukan kebaikan serta membezakan antara hak dan batil agar dapat membentuk jati diri Islam. Agar remaja tidak terlibat dengan salah laku akhlak, mereka wajar diberi penghayatan kehidupan berasaskan amalan dan nilai-nilai Islam. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlaku salah laku akhlak dalam kalangan remaja iaitu keluarga, rakan sebaya, perkembangan pesat teknologi,

dadah, kesilapan memilih idola dalam kehidupan, inginkan kemewahan berlebihan serta kurang didikan agama.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No.Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk *Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam*.

## RUJUKAN

- Ab Razak, M. R., & Hamjah, S. H. (2018). Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Sains Insani*, 2(2), 1-9. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.30>
- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Mohamad, N., Usman, A. H., Mohd Haridi, N. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2021). Faktor penglibatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Satu sorotan literatur sistematik. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 12-27. Retrieved from <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/128>
- Abd Majid, M., Mohd Haridi, N. H., Usman, A. H., Azizan, N. I., Mohamad, N., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2021). Program pembangunan jati diri remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor era pandemik covid 19. *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (IRMIC)*, 262-276.
- Abd. Majid, M., Azman, N. Z., & Mohd Yani, N. I. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: kajian terhadap remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94-109. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.59>
- Abdullah, A. A. (2014) *Islam yang dinamik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Ahmad. (2016). 159,725 anak tak sah taraf didaftarkan sejak 2013: JPN. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/>
- Azizan, N. I., & Yusoff, Z. M. (2018). Pembentukan jati diri remaja melalui pembelajaran persekitaran sosial: Analisis menurut perspektif al-Quran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 5(2), 216-230. Retrieved from <http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2018/08/216-230-NURZATIL-ISMAH-AZIZAN-R.pdf>.

- Bakar, A. A. B., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1) (2019) 1-17.
- Hassan, J., & Abdul Rashid, R. S. (2012). Ketagihan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Volume 6*, 23-43.
- Ibrahim, N. Ismail, R. Amit, N. Tambi, N. Selamat, M. N., Razak. M. A. Ahmad, N. A., & Shafurdin, N. A. (2018). Perbandingan tahap pengetahuan, sikap dan kesan dadah dalam kalangan remaja sekolah berisiko. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 38 (2) (2018): 1-11. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/view/394>
- Ismail, M. (2020). Hedonisme dan pola hidup Islam. *Jurnal Ilmiah Islamic Resources*, 16(2), 193-204. <http://dx.doi.org/10.33096/jiir.v16i2.21>.
- Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N., & Othman, A. (2021). Delinkuensi remaja isu, intervensi & pemulihan. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor, N. H, Jodi, K. H. M, Abdullah, R., & Kadir, F. A. A. (2017). Pemulihan akhlak di pusat perlindungan wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari*, 9 (2): 261-274.
- Masri, S. (2005). Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: Esei, Proposal, Tesis. Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur
- Mohd Nasir, N. (2016). Aspek-aspek keluarga dan penglibatan remaja perempuan dalam tingkah laku delinkuensi. *Geografi*, 4(2), 54 - 64. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/1935>
- Mohd Nasir, N. C., & Mohd Ali Hanafiah, N. (2015). Faktor internal individu dan delinkuensi: Kajian ke atas remaja perempuan di asrama akhlak perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 185-202. <https://doi.org/10.32890/jps.18.2015.11519>
- Mustafa, N., Abu Bakar, A. L., Basri, M., & Usman, A. H. (2021). The concept of sad al-dhara'i' (blocking the means) related to preventive and rehabilitation in sexuality education in Malaysia. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 74–92. Retrieved from <https://so06.tci-thaijo.org/index.php/M-JICI/article/view/252822>
- Mustaffa, N., Mahmud, W. A., Ahmad, F., Mahbob, M. H., & Rahim, M. N. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Klang. *Malaysian Journal of Communication* Jilid 29(1) 2013: 199-212.
- Nik Nordin, N. N., & Selamat, M. N. (2018). Tingkah laku delinkuen pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*,

- 2(1): 1-9. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/62>.
- Othman, M., Sarnon, N., & Zakaria, E. (2018). Kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal: Suatu penerokaan. *Human Sustainability Procedia*: 61-74. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1216>.
- Sannusi, S. N., Ibrahim, F., Shaari, A. H., & Subhi, N. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.
- Shahrudin, N. J., Mansor, M., Madon, Z., & Hamsan, H. H. (2018). Hubungan pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. *Akademika*, 88(2), 81-94. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-06>
- Sharif, Z., & Roslan, N. M. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, V 1 Mac 2011, 115-140.
- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Journal Hadhari Special Edition* (2012) 155-172.
- Sudi, S., Wazir, R., Mohd Salleh, N., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.134>
- Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, S. A. (2019). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/ pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2) (2015) 11-30.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020a). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415-424. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.95>
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Zakwan, R. S. (2020b). Pendekatan Maqāmāt Abū Ṭālib al-Makkī (W. 386 H.) dalam pencegahan dadah golongan berisiko. *HADIS*, 10(20), 585-596. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i20.90>